



PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

HSA101

PENGANTAR SEJARAH

SEMESTER 2

SIDANG AKADEMIK 2017/2018

TAJUK 7 :

“Sejarah Melayu sesungguhnya adalah sebuah dokumen politik”

(Abdul Rahman Ismail) Bincangkan.

NAMA : **IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI**
NO. KAD MATRIKS : **136361**
NO. KAD PENGENALAN : **970710-12-5703**
NO. TELEFON : **0113-686-0332**
EMAIL : **ibnusany@gmail.com**

NAMA PENSYARAH :

DR. NIK HASLINDA BINTI NIK HUSSAIN

TARIKH PENGHANTARAN :

15 MEI 2018

1.0 PENGENALAN

Teks Sejarah Melayu kini menjadi sebuah karya klasik. Apabila memperkatakan berkaitan dengan kesusasteraan Melayu yang berkaitan dengan aspek sejarah dan pensejarahan, maka teks-teks sebegini menjadi tumpuan perbahasan. Dalam kalangan sejarawan, teks Melayu ini unggul sebagai sumber sejarah kerana belum ada sebuah hasil sejarah peribumi yang dapat membekalkan maklumat dan fakta sejarah tentangan sebuah kesultanan Melayu yang tertua negara ini iaitu Kesultanan Melayu Melaka. Sulalat-us-Salatin, yang sejak awal kurun ke-19 lebih dikenali sebagai Sejarah Melayu, adalah sebuah warisan bertulis Melayu yang paling banyak diperkatakan dan diselidiki oleh para pengkaji¹. Dalam kategori historiografi Melayu klasik, Sejarah Melayu dianggap sebagai adikarya (*Masterpiece*) yang membawa maksud karya teragung. Karya inilah yang dikenali sebagai Sulalatus Salatin. Dari segi peristilahan, Sulalatus Salatin bermakna keturunan keluarga, termasuk asal-usul dan susur galur sultan-sultan².

Menurut Norazimah Zakaria, Sejarah Melayu atau Sulalatus Salatin merupakan sebuah genre sintesis yang baik. Sejarah Melayu merupakan karya warisan bangsa Melayu yang dianggap sebagai *par excellence* oleh ramai sajarana moden, Barat dan Melayu. Karya ini lahir dari satu tradisi keintelektualan Melayu yang subur di istana raja-raja Melayu sejak kurun ke-15³. Bentuknya adalah manifestasi satu sudut pandangan, satu persepsi seorang pengarang Melayu di kurun ke-16 dan 17, terhadap masa silam bangsanya.

¹ Abdul Rahman Haji Ismail dan Harun Daud. *Sulalat-us-Salatin (Sejarah Melayu) Cerakinan Sejarah, Budaya dan Bahasa*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. 2008. Hlm 1

² Muhammad Yusoff Hashim. *Pensejarahan Melayu Nusantara: Kajian Mengenai Sumber, Penghayatan, Masalah dan Tafsiran Naskhah-Naskhah Terpilih Sejarah Melayu*. Cetakan 1. Siri Penyelidikan. Kuala Lumpur: Teks Publishing. 1988. Hlm 33

³ Norazimah Zakaria, "Sejarah Melayu: Sebuah Genre Sintesis yang baik bagi Memenuhi Tuntutan Moral Islam dan Aspek Pengawasan Politik," *Jurnal Pengajian Melayu* 16 no. 1 (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, (2005): hlm 320

Teks Sejarah Melayu ini mempunyai pelbagai ciri-ciri yang boleh menimbulkan banyak persoalan dan perdebatan pendapat oleh ramai sarjana. Teks ini mempunyai banyak versi dalam penghasilannya iaitu tidak kurang daripada 32 naskah sama ada dalam bentuk versi panjang dan versi pendek. Teks Sejarah Melayu ini pada amnya mengisahkan pengalaman-pengalaman sejarah yang dialami oleh raja-raja Melayu yang merintah Melaka, dari awal abad ke-15 hingga awal abad ke-17. Dengan erti kata lain Sejarah Melayu ini mengandungi cerita berkenaan dengan raja-raja Melaka dari pemerintahan rajanya yang pertama hinggalah raja-raja yang terakhir apabila kuasa asing Portugis menyerang Melaka pada tahun 1511⁴. Sejarah Melayu juga mengandungi unsur mitos, dan juga terdapat unsur lagenda. Sejarah Melayu ditulis tidak mempunyai tarikh. Tiada tarikh yang dinyatakan bagi sesuatu peristiwa. Teks Sejarah Melayu ini ditulis atas titah daripada sultan. Sejarah Melayu telah ditulis oleh Tun Seri Lanang pada tahun 1912. Beliau merupakan golongan istana dan menjadi bendahara kepada dua orang Sultan Johor lama iaitu Sultan Ali Jalil Shah II dan Sultan Alaudin Riayat Shah III.

“...hampir separuh daripada naskah-naskah Sejarah Melayu mengandungi nama Tun Seri Lanang⁵”

“ Bahawa hamba minta diperbuatkan hikayat pada Bendahara, peraturan segala raja-raja Melayu dengan istiadatnya supaya didengar oleh anak cucu kita yang kemudian dari kita dan diketahuinyalah segala perkataan, shahdan beroleh faedahlah mereka itu daripadanya. Setelah fakir mendengar titah yang mulia itu, maka junjonglah atas batu kepala fakir dan beratlah atas segala anggota fakir...⁶”

Menurut Abdul Rahman Haji Ismail, Sejarah Melayu ini tidak mengandungi tarikh-tarikh, akan tetapi kisah dan peristiwa yang ada di dalamnya benar-benar berlaku. Sejarah

⁴ Muhammad Yusoff Hashim dan Abdul Rahman Kaeh. *Sejarah Melayu Persepsi Sejarah dan Kesusasteraan*. Selangor Darul Ehsan: Longman Malaysia Sdn. Bhd. 1994. Hlm 2

⁵ Muhammad Yusoff Hashim. *Pensejarahan Melayu: Kajian tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*. Kuala Lumpur: Teks Publishing. 1992

⁶ Ibid

Melayu juga menceritakan peristiwa dan pernyataan yang bersifat tak sejarah dan kadang kala disifatkan sebagai dakyah. Beliau percaya jika digunakan dengan baik dan sesuai dengan tempatnya, maka bahan dakyah ini boleh dijadikan bahan sejarah yang penting⁷. Oleh kerana Sejarah Melayu dihasilkan oleh penulis istana yang bertujuan untuk menyukakan golongan istana, maka pendekatan yang lebih saksama dan berhati-hati dibuat, besar kemungkinan corak pendakyahan yang berat sebelah akan terus menguasai suasana⁸. Sebagai contoh, corak pendakyahan seperti raja-raja Melayu ditegas sebagai raja-raja berasal, pilihan Tuhan dan bayangan Allah di muka bumi. Kerajaan mereka adalah hak mutlak dan tidak boleh dicabar. Setiap perlakuan yang mempunyai unsur mencabar kemutlakan kuasa raja akan dianggap sebagai perlakuan derhaka. Rakyat diindoktrasi supaya bersifat dayus dan sentiasa mengalah apabila berhadapan dengan gelagat dan kehendak golongan pemerintahan sesuai dengan tema yang diulang-ulang iaitu “*pantang Melayu menderhaka kepada rajanya*”⁹.

Sejarah Melayu selain daripada sifat sasteranya, sesungguhnya adalah sebuah dokumen politik yang memuatkan satu bentuk pemikiran politik sesuai dengan kehendak golongan istana. Sejarah Melayu ini dihasilkan oleh golongan istana untuk mengagungkan golongan tersebut demi kepentingan golongan itu sendiri. Penghasilan ini merupakan satu perancangan yang digunakan oleh golongan berkuasa untuk memutklakan kuasa yang diwarisi. Segala pandangan rakyat, keadaan rakyat dan sikap sebenar rakyat tidak diberi tempat didalamnya. Segala bentuk nasihat, pengajaran dan pernyataan sikap, termasuk yang konon-kononnya juga dianuti rakyat ratanya-ratanya dating dari kalangan pemerintah juga¹⁰.

⁷ Abdul Rahman Haji Ismail. “Sejarah Melayu: Antara Sejarah dan dakyah.” *Kajian Malaysia (Journal of Malaysian Studies)* 3, no 121985 (1985) : 25-35

⁸ Ibid hlm 25

⁹ Ibid hlm 26

¹⁰ Ibid hlm 30

Penulis bersetuju dengan pandangan Abdul Rahman Haji Ismail bahawa sejarah Melayu ini merupakan sebuah dokumen politik. Perkara ini akan dibahas dengan lebih terperinci dalam penulisan ini.

2.0 ISI PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini, saya akan mengupas lebih lanjut berkaitan dengan kayu ukur yang dapat membuktikan bahawa Sejarah Melayu merupakan sebuah dokumen politik.

2.1 SEJARAH MELAYU SEBAGAI SUMBER SEJARAH

Sejarah Melayu boleh dikatakan sebagai sumber sejarah kerana dari aspek politik, pengarang Sejarah Melayu ini dengan cemerlangnya telah menghuraikan jurai keturunan raja Melaka secara lebih terperinci. Pengarang telah memperlihatkan urutan masa pemerintahan raja-raja Melayu Melaka yang sebenar bersesuaian dengan maklumat sejarah kini. Sebagai contoh, kronologi urutan zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah sehinggalah kejatuhan negeri itu ke tangan Portugis semasa pemerintahan Sultan Mahmud Syah.

Walau bagaimanapun, terdapat seorang sarjana barat, R.O Winstedt menyatakan pendiriannya bahawa teks Sejarah Melayu tidak boleh dijadikan sumber sejarah kerana kandungannya terlalu banyak unsur mitor dan lagenda. Hal ini menyebabkan, para pengkaji menghadapi kesukaran untuk memilih sejarah yang dapat dijadikan sumber kerana para pengkaji tidak dapat melakukan pengadilan moral terhadap peristiwa-peristiwa yang terdapat dalam teks Sejarah Melayu ini. Perkara ini dapat dibuktikan melalui karya beliau yang berbunyi “*several passages are altered not for aesthetic effect but distortion of history.*”¹¹ Tambahan pula, R.O Winstedt seorang yang berpegang kepada prinsip barat yang mementingkan fakta. Sarjana lain juga seperti Umar Junus dengan lantangnya menolak

¹¹ Winstedt Richard Olaf. *The Malay Annals, or Sejarah Melayu. The Earliest Recension from Ms. No 18 of the Raffles Collection, in the Library of the Royal Asiatic Society, London.* Singapore: Malayan Branch of the Royal Asiatic Society. 1938. Hlm 31

bahawa Sejarah Melayu ini merupakan karya sejarah kerana bagi beliau, sebahagian teks tersebut dipenuhi dengan unsur-unsur fiksi dan khayalan. Beliau menekankan lagi bahawa sebuah karya bukan lagi karya sejarah apabila mengandungi unsur tersebut. Tambahan lagi dalam sastera hakikat sejarah tidak penting¹².

Abdul Rahman Haji Ismail pula berpandangan bahawa Sejarah Melayu ini berkemampuan untuk dijadikan sebagai sumber sejarah dan merupakan sumber yang lengkap serta bernilai. Pandangan beliau ini dapat dibuktikan dengan jelas dalam artikel beliau yang menyatakan bahawa :

“Kewibawaan Sulalat-us-Salatin memang sukar disangkal. Walaupun terdapat masalah di beberapa tempat dan dari sudut-sudut tertentu, dari segi pensejarahan sejarah Melaka dan orang Melayu sebelum abad ke-17 serta kesempurnaan bahasanya Sulalat-us-Salatin adalah kitab terbaik yang pernah dihasilkan di dunia Melayu, bukan sahaja bagi zamannya tetapi juga bagi beberapa abad sebelumnya¹³”

Tambahan lagi beliau turut berpandangan bahawa terdapat peristiwa yang berlaku dalam Sejarah Melayu merupakan peristiwa yang benar-benar berlaku. Walaupun Sejarah Melayu ini mengandungi unsure mitos dan lagenda, namun penulisannya harus ditilik berdasarkan perspektif masyarakat dan zaman yang menghasilkannya dan tempat sastera sejarah itu dicipta. Sebagai contoh :

“Bagaimanakah engkau mengetahui engkau punya kitab itu betul kerana kata orang lain kitabnya pun betul, kerana kitab (Sejarah Melayu) ini sudah terkarang lebih daripada 200 tahun lamanya. Maka jikalau begitu lama sudah maka dapat tiada sudah tersalin banyak kali, pasti penuh dengan salah Maka janganlah engkau menipu dirimu sendiri demikian dan janganlah engkau percaya orang yang berkata : “inilah kitab yang

¹² Haron Daud. Sejarah Melayu. Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka. 1989. Hlm 1

¹³ Abdul Rahman Haji Ismail. *Mencari Sejarah Melayu yang Asli : Suatu Perbincangan Berasaskan Sulalat-us-Salatin Raja Bungsu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. 1995. Hlm 5

betul sekali atau itulah kitab yang betul sekali¹⁴”

Maka, jelaslah bahawa Abdul Rahman Haji Ismail menyokong dengan kukuh bahawa Sejarah Melayu ini merupakan sumber yang boleh dijadikan sumber sejarah. Pada pandangan penulis, penulis juga berpendapat bahawa Sejarah Melayu ini boleh dijadikan sumber sejarah kerana Sejarah Melayu ini merupakan salah satu karya yang dapat memperlihatkan ketulenan orang Melayu itu sendiri. Sejarah Melayu ini juga merupakan satu-satunya karya yang terselamat disimpan yang pernah ditulis oleh orang Melayu dan merupakan satu-satunya rujukan oleh para sejarawan dalam membuat kajian. Pandangan penulis dapat disokong oleh Muhammad Yusff Hashim yang menyatakan :

“Sejarah Melayu sebuah hasil sejarah yang ditulis dengan mempunyai tujuan, kandungan ciri penulisan dan struktur serta pengertian sejarahnya sendiri bukan seperti tujuan dan pengertian sejarah sebagaimana yang kita fahamkan pada abad ke-20 ini amat jauh bezanya¹⁵”

2.2 SEJARAH MELAYU SEBAGAI DOKUMEN DAKYAH

Terdapat alasan-alasan yang kukuh bahawa Sejarah Melayu adalah sastera sejarah yang bermatlamatkan dakyah demi kepentingan golongan pemerintah¹⁶. Sejarah Melayu adalah hasilan istana dengan kepentingan golongan itu sendiri sebagai matlamat utamanya. Sejarah Melayu ini ditaja oleh istana dan pengarangnya juga adalah pengarang istana. Sejarah Melayu ini merupakan sastera kaum istana dan mengenai istana manakala kisah rakyat tidak dipentingkan. Rakyat jikalau di masukkan hanyalah pelengkap yang memperkemaskan gagasan dan kemuliaan dan ketinggian martabat golongan istana. Oleh kerana Raja merupakan

¹⁴ Abdul Rahman Haji Ismail dan Haron Daud, *Sulalat-us-Salatin (Sejarah Melayu) Cerakinan Sejarah, Budaya dan Bahasa*. Hlm 1

¹⁵ Muhammad Yusoff Hashim dan Abdul Rahman Kaeh, *Sejarah Melayu, Persepsi Sejarah dan Kesusasteraan*. Hlm 23

¹⁶ Abdul Rahman Haji Ismail. “*Sejarah Melayu: Antara Sejarah dan Dakyah*”. Hlm 30

puncak kepada sesebuah negara dan kerajaan, maka dalam mengisahkan tentang raja termasuklah perkara-perkara lain yang ada kaitan dengan raja-raja yang mencakupi jatuh bangun, falsafah dan sikap rasmi negara seperti yang dilihat oleh golongan pemerintahan secara lebih menyeluruh¹⁷.

Sulalatus Salatin bermakna Salasilah Raja-Raja atau jurai keturunan Raja-Raja. Tujuan asasinya adalah untuk mengisahkan dan menceritakan tentang raja-raja dan suka duka mereka. Menurut Abdul Rahman Haji Ismail, Sejarah Melayu merupakan satu pendakyahan (propaganda) untuk ditunjukkan kepada anak cucu tentang kehebatan dan kemegahan raja-raja. Pandangan Abdul Rahman Haji Ismail ini sesuai dengan pernyataan :

“supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, dan boleh diingatkan oleh segala mereka itu. Dan adalah beroleh faedah ia daripadanya¹⁸”.

Dari sudut penajaannya, Sulatus Salatin dihasilkan dengan perintah raja yang mahu merakamkan :

“peri persetua dan petuturan raja-raja Melayu dengan adat-istiadatnya sekali, supaya diketahui oleh segala anak cucu ... beroleh faedahlah ia daripadanya”. Penyusunan pula menjalankan tugas *“supaya akan menyukakan duli hadrat baginda¹⁹”.*

Tidak semestinya setiap penulisan yang ditaja oleh pemerintahan itu perlu bersikap dakyah, tetapi memandangkan kepada tujuan penulisan dan perkembangan yang membawa

¹⁷ Ibid hlm 30

¹⁸ Ibid hlm 31

¹⁹ Ibid hlm 31

kepada penghasilannya adalah sukar untuk membuktikan tiada unsur pendakyahan di dalam penulisan Sejarah Melayu²⁰.

Pada pendapat penulis pula, penulis menyokong unsur dakyah dimasukkan dalam Sejarah Melayu kerana tanpa unsur dakyah, sesebuah karya Melayu amat sukar untuk dihasilkan. Unsur dakyah ini juga penting bagi untuk memastikan bahawa kedudukan istimewa raja dapat dikekalkan dan seterusnya mengukuhkan kekuasaan politik raja dalam kerajaan Melayu Melaka dan seterusnya digeruni oleh golongan rakyat.

2.3 PERATURAN-PERATURAN RAJA DALAM SEJARAH MELAYU

Dalam Sejarah Melayu juga, terdapat peraturan-peraturan raja yang menjadi bukti bahawa Sejarah Melayu ini sebagai dokumen politik. Sebagai contoh penulisan Undang-Undang Melaka telah memberi pengaruh besar kepada penulisan undang-undang adat bagi beberapa buah kesultanan lain di Alam Melayu. Selaku ketua bagi sebuah kerajaan atau negeri, raja mempunyai kuasa mutlak dalam menentukan perjalanan negeri dan kehidupan para rakyat jelata²¹. Pemerintahan yang berjalan tanpa panduan dan kawalan undang-undang akan membawa kepada ketidaktentuan, kezaliman dan huru-hara dalam negara. Kuasa mutlak telah menjadikan raja sebagai ketua pemerintah yang sangat berkuasa, melebihi kuasa semua pembesar, malah mengatasi undang-undang atau peraturan yang ada dalam negerinya.

Menurut Abdul Rahman Haji Ismail, beliau berpendapat bahawa peraturan-peraturan yang wujudkan semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka merupakan salah satu agenda yang digunakan untuk mengekalkan kedudukan raja pada waktu itu. Sesuai dengan erti kata lain, peraturan merupakan salah satu dakyah atau propaganda yang digunakan untuk

²⁰ Ibid hlm 31

²¹ Jelani Harun. *Undang-Undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. 2008. Hlm 40

memperlihatkan kehebatan dan kemegahan raja-raja agar rakyat terus taat kepada raja. Setelah memeriksa semula kejadian Bendahara Seri Maharaja telah dibunuh oleh Sultan Mahmud Shah, Abdul Rahman Haji Ismail menyatakan bahawa masyarakat Melayu menerima kekerasan undang-undang yang telah disertai dengan kekejaman²².

R.O Winstedt dalam edisinya Sejarah Melayu, adat telah wujud sejak pemerintah Raja Iskandar Shah, Raja Melaka yang pertama. Kenyataan ini diperkuatkan lagi dalam Undang-Undang Melaka yang menyebut bahawa Raja Iskandar merupakan Raja Melaka yang pertama melaksanakan adat dan peraturan pemerintahan raja-raja dan segala pembesar Melayu serta menetapkan undang-undang negeri yang kemudian dipraktikan oleh raja-raja Melaka yang berikutnya. Dalam hal ini, Melaka merupakan salah sebuah kerajaan terawal sekali mempunyai undang-undang bertulis walaupun pada peringkat permulaannya ia wujud dalam bentuk lisan. Hukum Kanun Melaka atau Undang-Undang Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka juga terdapat dalam Sejarah Melayu²³.

Penulis menyokong pendapat Abdul Rahman Haji Ismail bahawa peraturan-peraturan raja yang wujud dalam Sejarah Melayu ini merupakan salah satu agenda untuk mengukuhkan lagi kedudukan raja pada waktu itu. Sesuai dengan unsur dakyah yang diketengahkan oleh Abdul Rahman Haji Ismail, peraturan ini seterusnya telah mengagung-agungkan raja kerana mempunyai kuasa mutlak untuk memerintah. Peraturan-peraturan raja ini seterusnya telah mewujudkan konsep daulat dan derhaka dalam kalangan rakyat agar rakyat terus berdaulat dengan raja dan tidak melakukan derhaka kepadanya. Rakyat akan diberi hukuman yang setimpal berdasarkan kesalahan yang dilakukannya.

²² Abdul Rahman Haji Ismail. *Kekerasan pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka: Penelitian berdasarkan Sejarah Melayu* in Qasim Ahmad (eds). *Kekerasan dalam Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1993. Hlm 71

²³ Haron Daud. *Sejarah Melayu*. Hlm 146

2.4 HUBUNGAN DIPLOMATIK KERAJAAN MELAKA DENGAN KERAJAAN ATAU NEGARA LAIN

Hubungan diplomatik kerajaan Melaka dengan kerajaan atau negara lain dalam Sejarah Melayu juga dapat membuktikan bahawa Sejarah Melayu ini merupakan dokumen politik. Susunan politik Melaka yang tersusun itu menyebabkan Melaka menjadi stabil. Keadaan ini telah menjadikan kerajaan Melaka amat disegani dan dihormati oleh beberapa kerajaan lain. Untuk mengekalkan keagungan Kerajaan Melaka, pemerintah Melaka menjalankan dasar luar yang agak positif dan menguntungkan Melaka²⁴. Melaka membuat hubungan baik secara diplomasi atau sebaliknya secara perang dengan sesebuah negara.

Kemasyhuran kerajaan Melayu Melaka telah menular ke benua China. Raja China menghantar utusannya ke Melaka. Sebagai balasan, raja Melaka menghantar Tun Perpateh Puteh dan orangnya ke China untuk menunjukkan ramainya bilangan rakyat Melaka kepada raja China. Raja China tertarik dengan kebesaran Melaka, dengan itu baginda ingin menjadikan sultan Melaka sebagai menantunya. Puteri Hang Li Po dihantar bersama lima ratus orang pengiring ke Melaka²⁵.

Maka titah Raja China pada Tun Perpateh Puteh : *“Suruhlah anakku Raja Melaka menghadap aku kemari, supaya aku dudukkan dengan anakku puteri Hang Li Po”*

Maka sembah Tun Perpateh Putih : *“Tuanku, akan paduka Ananda Raja Melaka, tiada dapat meninggalkan negeri Melaka, kerana negeri Melaka permusuhan; jikalau Tuanku hendak menganugerahkan paduka Ananda itu, marilah patik bawa. Insya Allah taala selamat sampai ke Melaka”²⁶*

Hubungan China dengan Melaka seolah-olah dibuat sebagai satu dorongan oleh keinginan Melaka untuk mengimbangkan kuasa politik di antara Siam dengan China. Pada Peringkat

²⁴ Muhammad Yusoff Hashim dan Abdul Rahman Kaeh. *Sejarah Melayu, Persepsi Sejarah dan Kesusasteraan*. Hlm 147

²⁵ Ibid hlm 153

²⁶ Kong Yuanzhi. “Cerita Hang Li Po: Ode Persahabatan Kedua-dua Bangsa China-Malaysia” dalam *Nota Penyelidikan Sari* 19 (Beijing: Peking University, 2001) hlm 179

awal, Melaka belum cukup kuat untuk berhadapan dengan Siam secara bersendirian. Dengan mengadakan hubungan dengan China, ini memberi satu ruang kepada Melaka untuk bernafas baginya. Pada tahun 1407, kerajaan Melaka pernah menghantar utusan ke negeri China mengadu Siam telah menghantar tentera ke Melaka. Tentera Siam telah merebut cap kempunya, lantas telah menjadikan rakyat di Melaka resah dan panik. Untuk membantu Melaka, raja China Dinasti Ming telah menyuruh raja Siam kembalikan cap kempa kepada Melaka, dan menghantar laksamana Zheng He ke Siam untuk menjadi orang tengah menyelesaikan persengketaan Siam dengan Melaka pada tahun 1408²⁷.

Hubungan Melaka dengan Majapahit pula dibuat atas dasar perkahwinan. Sultan Mansur Syah ingin memperisterikan puteri Ratu Majapahit, Radin Galoh Cendera Kirana. Pinangan Sultan Melaka diterima baik oleh ratu Majapahit. Dalam usaha memperisterikan Ratu Majapahit, pelbagai gangguan dan percubaan sebagai muslihat untuk menguji kehandalan dan kekuatan wakil pinangan Melaka, tetapi kesemua percubaan itu berjaya ditembusi. Oleh hal yang demikian, imej Melaka agak tinggi di mata ratu dan Orang-orang besar Majapahit. Akhirnya Sultan Mansur Syah dikahwinkan dengan puteri ratu tersebut²⁸.

Jelaskan bahawa, hubungan diplomatik yang dijalankan oleh kerajaan Melaka dengan kerajaan atau negara lain membuktikan terdapat unsur politik dalam Sejarah Melayu. Penulis menyokong dan berpendapat bahawa, hubungan-hubungan yang dijalankan ini telah memberi kebaikan yang menguntungkan kepada kerajaan Melaka. Dengan adanya hubungan Melaka dengan China, Melaka sudah tidak risau lagi dengan ancaman dari Siam. Dalam hal ini, wujudnya hubungan politik antara China dengan Melaka berkerjasama mengurangkan ancaman di Melaka. Hubungan Melaka dengan Majapahit juga memperlihatkan perluasan

²⁷ Ibid hlm 184

²⁸ Muhammad Yusoff Hashim dan Abdul Rahman Kaeh. Sejarah Melayu Persepsi Sejarah dan Kesusasteraan. Hlm 152

politiknya apabila raja Majapahit menganugerahkan Inderagiri dan Siantan menjadi naungan Melaka²⁹. Ini dapat memperbesarkan lagi wilayah empayar Melaka.

3.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, Sejarah Melayu telah banyak diperkatakan dan dibahas oleh ramai sarjana baik di Barat, mahupun di Timur. Sejarah Melayu sesungguhnya sebuah dokumen politik kerana dapat dibuktikan berdasarkan kayu ukur yang telah dibincangkan oleh penulis. Walaupun teks ini mempunyai mitos dan lagenda yang menyukarkan para sejarawan untuk mendapatkan bukti-bukti sejarah, namun sebagai pembaca dan pengkaji kita perlu memahami dan menilai kandungan Sejarah Melayu ini dengan memberi pandangan berdasarkan pemahaman yang disokong oleh pengkaji yang lain. Sejarah Melayu harus dipelihara sebagai rujukan generasi akan datang agar mereka tahu kewujudan Sejarah Melayu ini. Sejarah Melayu ini juga penting kerana peristiwa yang terkandung di dalamnya boleh dijadikan rujukan masa kini dan mengelakkan peristiwa yang sama berulang kembali.

²⁹ Ibid hlm 152